

# HELLO KAMPUS


**JOHOR**

Hampir 50,000 pengunjung dapatkan infomasi mengenai peluang ke universiti

## KPTN 2015 Zon Selatan diserbu

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **BATU PAHAT 31 MAC**

**H**AMPIR 50,000 pengunjung memenuhi tapak Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN 2015) bagi Zon Selatan yang diadakan di Padang Kawad Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini.

KPTN 2015 atau lebih dikenali dengan 'Jom Masuk IPT' anjuran Kementerian Pelajaran diadakan kali ke-11 di UTHM selepas beberapa negeri lain mengadakan program serupa yang bermula 14 Februari lalu hingga 11 April ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, pemilihan UTHM sebagai tuan rumah amat tepat kerana universiti itu bu-

kan sahaja institusi yang berfungsi melahirkan generasi cerdas pandai, malah mampu bertindak sebagai penghubung untuk menyalurkan maklumat dan polisi kerajaan kepada masyarakat.

"Karnival dua hari ini disasarkan kepada pelajar yang mencari maklumat terkini berkaitan peluang-peluang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan program-program pengajian baharu yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi masa kini.

"Saya berharap peluang ini digunakan sepenuhnya oleh mereka dalam mendapatkan maklumat jelas dan tepat yang bukan sahaja untuk kegunaan peribadi, malah kefahaman yang mereka peroleh membantu Kementerian mempromosi program dan peluang pendidikan yang ditawarkan," katanya semasa

merasmikan karnival tersebut.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar Kementerian Pelajaran, Mazula Sabudin; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Prof. Hashim Saim; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM, Prof. Dr. Ir. Amir Hashim Mohd. Kassim.

Mohd. Noh berkata, selain pameran peluang pendidikan, karnival tersebut turut dimeriahkan dengan beberapa aktiviti lain, antaranya kaunter semakan syarat khas kelayakan program ke universiti awam, politeknik dan institut latihan melalui aplikasi e-Panduan.

"Selain itu, penganjur turut menyediakan gerai-gerai jualan bagi memeriahkan lagi karnival ini," katanya.



**MOHD. NOH DALIMIN (kanan)** melawat ruang pameran yang disediakan sempena Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2015 bagi zon selatan sambil diiringi Mazula Sabudin (dua kanan) di UTHM, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.